

## **Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011 Diluluskan Bernama 07 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Episod undi belah bahagian bagi mencapai kata putus untuk meluluskan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011 ketika persidangan Dewan Rakyat, berlanjutan hingga ke persidangan Dewan Negara Rabu.

Undian yang diminta oleh Senator Mohd Yusof Husin menyaksikan 38 anggota Dewan Negara menyokong manakala hanya lapan yang tidak bersetuju rang undang-undang itu dibacakan untuk kali kedua.

Undian belah bahagian dibuat selepas usul itu dikemukakan Anggota Dewan Negara daripada pembangkang itu kepada Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Armani Mahiruddin, yang kemudiannya membenarkan undian itu selepas berpuas hati usul itu memenuhi syarat Peraturan Mesyuarat yang memerlukan persetujuan lapan anggota Dewan Negara.

Sebelum ini, episod proses undi belah bahagian dijalankan pada persidangan Dewan Rakyat pada 5 Okt lepas bagi meluluskan rang undang-undang yang sama.

Pada persidangan Dewan Rakyat yang lepas, undi belah bahagian menyaksikan 72 anggota Parlimen menyokong manakala hanya 28 yang tidak bersetuju rang undang-undang itu dibacakan untuk kali kedua.

Terdahulu, ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata tidak timbul paksaan kepada pemilik atau pewaris untuk menyatakan persetujuan untuk menyerahkan tanah milik mereka.

"Soal kerajaan hendak buat paksaan tidak timbul kerana proses ini akan ambil masa panjang. Proses berunding ini berlaku dan mana-mana infrastruktur yang boleh diperbaiki akan dibaiki dan disiapkan dengan cepat.

"Ini proses yang kita jalankan supaya pihak pemilik atau pewaris tidak tertekan untuk bila-bila masa untuk setuju atau tidak dan kita sentiasa menjalankan perbincangan," katanya.

Selepas diluluskan, rang undang-undang itu akan dikenali sebagai Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011.

Sementara itu, Senator Datuk Dr Firdaus Abdullah berkata tindakan pembangkang mencadangkan usul undi belah bahagian sebagai satu tindakan bermotif politik semata-mata tanpa memahami maksud sebenar penubuhannya.

Katanya tindakan senator daripada pembangkang itu sekadar untuk meraih publisiti murahan tanpa mendalami tentang manfaat penubuhan perbadanan itu.

"Selama 20 tahun kita telah berusaha dalam mencari satu mekanisme terbaik untuk

membangunkan Kampung Bharu dengan semua aspek telah diambil kira.

"Rang undang-undang ini juga diperuntukkan demi kebaikan semua pihak terutama orang Melayu dan kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya mengabaikan kebajikan rakyat semata-mata untuk meraih keuntungan," katanya kepada pemberita kemudian.

Dewan Negara hari ini turut meluluskan Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 dan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011.

Persidangan Dewan bersambung esok.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632592>